



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KONSEP TAQARRUB DALAM KUMPULAN PUISI 'DERU PERJALANAN  
KEMBALI SEORANG ABID' KARYA YAHYA M.S***

**ROZIDAWATI BINTI MOHD**

**FBMK 2016 12**



**KONSEP TAQARRUB DALAM KUMPULAN PUISI 'DERU PERJALANAN  
KEMBALI SEORANG ABID' KARYA YAHYA M.S.**

Oleh

**ROZIDAWATI BINTI MOHD**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Master Sastera**

**Mac 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Istimewa buat suamiku  
MOHD NIZAM BIN MD JAAPAR  
Pendorong setia, sahabat yang sejati, DAN  
teman hidup anugerah Ilahi.

Pembakar semangat  
MUHAMMAD ADAM ZARIN,  
MUHAMMAD SOFIYUDDIN,  
MUHAMMAD LUQMAN HAKIM  
Kalian nadi kekuatan dalam perjuangan.

Kasih sayang berpanjangan daripada  
BONDA HAPIAH BINTI HUSSIN  
AYAHANDA MOHD BIN MOHD SHAFIE  
ALLAHYARHAMAH RAHIMAH BINTI ENJAH  
ALLAHYARHAM MD JAAPAR BIN SAMAH  
Doa kalian memberkati kehidupan.

Keikhlasan dan kesabaran  
Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Abd. Rahman  
Menyiram bunga semangat membuah hikmah  
Menyuluh tika diri dalam kegelapan  
Jasa dan budimu kukenang.

Bantuan dan pertolongan  
Dr. Kamariah Kamarudin  
Menjadi ingatan.

Sokongan dan dokongan  
Teman dan kenalan  
Melonjak diri ke puncak aman.

**SEMOGA ILMU YANG SEDIKIT MEMANFAATKAN**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KONSEP TAQARRUB DALAM KUMPULAN PUISI  
'DERU PERJALANAN KEMBALI SEORANG ABID' KARYA YAHYA M.S.**

Oleh

**ROZIDAWATI BINTI MOHD**

**Mac 2016**

**Penyelia : Prof. Madya Hajah Samsina binti Abd. Rahman, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep *taqarrub* dalam karya seorang penyair dari Brunei Darussalam iaitu Yahya M.S.. Beliau telah memberi sumbangan yang besar dan bermakna terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu Islam di negara Brunei dan di rantau Asia Tenggara khususnya dalam genre puisi. *Taqarrub* yang maksudnya mendekatkan diri kepada Tuhan dapat dilihat dalam lima wasilah (jalan) iaitu wasilah *taqarrub* melalui amalan fardu (wajib); wasilah *taqarrub* melalui amalan sunat; wasilah *taqarrub* melalui ketaatan kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya; wasilah *taqarrub* melalui penyaksian terhadap kekuasaan Allah; dan wasilah *taqarrub* melalui peringatan kepada saat kematian. Terdapat dua objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Pertama, untuk menganalisis konsep *taqarrub* dalam kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' karya Yahya M.S.. Kedua, untuk menghubungkan antara konsep *taqarrub* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan puisi-puisinya. Analisis terhadap kumpulan puisi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini akan mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci janaan Mohamad Mokhtar Hassan. Teori yang menggariskan tiga prinsip ini iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan dilihat amat bersesuaian kerana penyair merupakan mantan Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama dan kini bertugas sebagai Ketua Hakim Syarie di Negara Brunei Darussalam. Analisis ini mendapati bahawa konsep *taqarrub* yang mencakupi kelima-lima wasilah ditemui dalam puisi-puisi penyair. Pengkaji juga mendapati bahawa faktor-faktor seperti latar belakang keluarga, pendidikan yang diperoleh, pengalaman hidup, pekerjaan dan jawatan yang dipegang oleh penyair Yahya M.S. telah mempengaruhi penghasilan konsep *taqarrub* dalam puisi-puisinya. Begitu juga dengan pemilihan diksi oleh penyair membuktikan hubung kait antara konsep *taqarrub* dengan faktor-faktor yang telah dinyatakan. Faktor-faktor itu begitu terserlah dan telah menjadikan kepengarangan Yahya M.S. sebegitu rupa sehingga dirinya dikenali sebagai seorang ilmuwan, agamawan dan sasterawan di negara Brunei Darussalam.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirements for Master of Art

**THE CONCEPT OF *TAQARRUB* IN THE COLLECTION OF POETRY 'DERU  
PERJALANAN KEMBALI SEORANG ABID' BY YAHYA M.S.**

By

**ROZIDAWATI BINTI MOHD**

**March 2016**

**Supervisor : Assoc.Prof. Hajah Samsina binti Abd. Rahman, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This writing analysed the concept of *taqarrub* in the poetry works of Yahya M.S, a poet from Brunei Darussalam. He had contributed tremendously in the development of Islamic Malay literature in Brunei and Southeast Asia, particularly in the genre of poetry. *Taqarrub* which means reaching out to God can be categorized into five executors (routes) namely *taqarrub* route through the obligatory practice; *taqarrub* route through Sunnah practice; *taqarrub* route through obedience to Allah's command and avoidance of His prohibition; *taqarrub* route through witness towards Allah's might; and *taqarrub* route through reminders towards the time of death. This study aimed to achieve two main objectives. Firstly, to analyse the concept of *taqarrub* in the collection of poetry 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' by Yahya M.S. Secondly, to examine the concept of *taqarrub* on factors influencing the production of his poetry. The analysis of the collection of poetry published by Dewan Bahasa dan Pustaka will utilise the Theory of Conceptual Keywords generated by Mohamad Mokhtar Hassan. The theory outlines three principles namely the influence, selection and observed effects. These are deemed appropriate as the poet is a former Deputy Minister of Religious Affairs, who is currently serving as the Chief Judge of Syariah in Brunei Darussalam. The analysis showed that the concept of *taqarrub* from all the five executors were found in the poet's work. The researcher also found that factors such as family background, education, life experience, occupation and position held by Yahya M.S had indeed influenced the use of *taqarrub* concept in his poetry. The diction used by the poet also indicates the relationship between the concept of *taqarrub* and the factors stated did affect him personally. The factors stated were very much highlighted and caused the authorship by Yahya M.S. in such a way that makes him a recognised scholar, believer and literary scholar in Brunei Darussalam.

## PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT yang telah memberi nikmat nyawa, masa dan kemahuan dalam menyempurnakan tesis ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Hajah Samsina binti Abd. Rahman dan Dr. Kamariah binti Kamaruddin yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta peluang sehingga tesis ini dapat disiapkan.

Ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan, pengasas teori Konseptual Kata Kunci yang juga Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Haji Ramlee bin Haji Tingkong dan Mohd Zafri Ariff bin Mohd Zain Ariff, pensyarah di Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan Universiti Brunei Darussalam, para pegawai di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur iaitu saudara Saifulizan Yahya dan saudari Faezah Muhayat. Begitu juga pegawai-pegawai di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, para petugas di Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Melaka dan Perpustakaan Jabatan Agama Islam Melaka dan pihak-pihak yang banyak membantu di Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Brunei Darussalam. Juga ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja pengajian, rakan-rakan terutama Fatimatun Zaharah binti Ramli, Nordaslina Mohd Dasuki dan Mona binti Mohamad, pegawai-pegawai di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta di Sekolah Pengajian Siswazah atas kerjasama dan pertolongan yang diberikan sepanjang pengkaji menyiapkan tesis ini.

Penghargaan paling istimewa kepada suami yang dikasihi Mohd Nizam bin Md Jaapar dan anak-anak (Muhammad Adam Zarin, Muhammad Sofiyuddin dan Muhammad Luqman Hakim) atas sokongan, dorongan dan pengorbanan yang telah dilakukan.

Rozidawati binti Mohd (GS25959)  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**Samsina Abd. Rahman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Rozidawati binti Mohd, GS25959

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa : Profesor Madya  
Penyeliaan : Dr. Samsina Abd. Rahman

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Dr. Kamariah binti Kamarudin

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KELULUSAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	1
Pengenalan	1
Sejarah Perkembangan Puisi di Brunei Darussalam	3
Pernyataan Masalah	11
Objektif Kajian	12
Kaedah Kajian	12
Kepentingan Kajian	13
Batasan Kajian	14
Definisi Operasional	15
Rumusan	16
<b>II</b>	
<b>SOROTAN LITERATUR</b>	18
Pengenalan	18
Kajian Tentang Kumpulan Puisi Yahya M.S.	18
Kajian Tentang Yahya M.S.	21
Kajian Tentang Unsur Tasawuf atau Unsur Kerohanian dan Kesusasteraan Islam	23
Pandangan Tokoh Berhubung Definisi <i>Taqarrub</i> dan Puisi	30
Definisi <i>Taqarrub</i>	30
Definisi Puisi	33
Pengaplikasian Teori Konseptual Kata Kunci Dalam Karya	35
Rumusan	42
<b>III</b>	
<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	43
Pengenalan	43
Reka Bentuk Kajian	43
Pemilihan Bahan Kajian dan Penyair	43
Pendekatan Konseptual Kata Kunci	43
Konseptual	45
Kata Kunci	46
Prinsip-prinsip Dalam Teori Konseptual Kata Kunci	49
Kepengaruhan	50
Pemilihan kata	51
Kesan	51
Rumusan	52

<b>IV</b>	<b>KONSEP TAQARRUB DALAM KUMPULAN PUISI 'DERU PERJALANAN KEMBALI SEORANG ABID' KARYA YAHYA M.S.</b>	<b>54</b>
	Pengenalan	54
	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Amalan Fardu (wajib)	59
	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Amalan Sunat	89
	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Ketaatan Kepada Perintah Allah dan Menjauhi Larangan-Nya	102
	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Penyaksian Terhadap Kekuasaan Allah	110
	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Peringatan Kepada Saat Kematian	117
	Rumusan	125
<b>V</b>	<b>RUMUSAN KAJIAN</b>	<b>126</b>
	Kesimpulan	126
	Cadangan	128
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>130</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>147</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>155</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Keseluruhan Puisi Berdasarkan Lima Wasilah	56
2	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Amalan Fardu (wajib)	60
3	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Amalan Sunat	90
4	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Ketaatan Kepada Perintah Allah dan Menjauhi Larangan-Nya	103
5	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Penyaksian Terhadap Kekuasaan Allah	110
6	Wasilah <i>Taqarrub</i> Melalui Peringatan Kepada Saat Kematian	118

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Pengertian <i>Taqarrub</i> Dalam Lima Wasilah	16
2	Kata Fokus dan Kata Kunci	48
3	Perubahan Kata Fokus	48
4	Lapangan Semantik	49
5	Kerangka Kajian	53
6	Konsepsi Ketauhidan	67
7	Konsepsi Ketaatan	72
8	Konsepsi Kerohanian	78
9	Konsepsi Kehambaan	88
10	Konsepsi Kehambaan dan Ketaatan	101
11	Konsepsi Amal Makruf Nahi Mungkar	109
12	Konsepsi Keinsafan dan Pengakuan	116
13	Konsepsi Zikrulmaut	124

## SENARAI SINGKATAN

KOMSAS	Komponen Sastera
ASTERAWANI	Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei
S.I.T.C	Sultan Idris Training College
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
SWT	Subhanahuwataala
SAW	Sallallahu alaihi wassalam
Hlm.	Halaman
r.a	Radhiallahu 'Anhu
r.ha	Radhiallahu 'Anha
MASTERA	Majlis Sastera Asia Tenggara

# BAB I

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Kebanyakan manusia kagum dan bangga dengan pencapaian dunia pada hari ini seperti adanya inovasi dalam bidang sains dan teknologi, kecanggihan alat-alat komunikasi dan komputer serta perubahan gaya hidup yang mencerminkan ketamadunan manusia telah mengalami evolusi. Namun dari segi sikap, tingkah laku dan pemikiran menunjukkan sebaliknya. Masih ada sekelompok ahli masyarakat yang mempraktikkan budaya masyarakat zaman jahiliah. Unsur jahiliah kian merebak dalam masyarakat. Sifat haiwaniah bercambah dan menjalar dalam kehidupan. Manusia lupa kepada Tuhan dan semakin jauh daripada Tuhan. Buktinya, media massa sering melaporkan pelbagai berita dan peristiwa yang mencerminkan luntarnya sifat insaniah dan perikemanusiaan dalam diri manusia. Buktinya, dapat dilihat dalam masyarakat pada masa ini. Kes-kes jenayah seperti bunuh, rogol, samun, ragut, rompakan, buang bayi, penderaan kanak-kanak, dan pengabaian ibu bapa kian berleluasa. Fenomena ini menjadi perkara biasa yang berlaku tanpa adanya perasaan takut kepada hukuman dunia apatah lagi hukuman dan pembalasan Allah di akhirat kelak.

Keadaan ini tidak boleh dibiarkan kerana kemapanan pembangunan sesebuah negara amat berkait rapat dengan kemenjadian masyarakatnya. Masyarakat pula hanya boleh dibangunkan melalui kemantapan sistem pendidikan yang ada di sesebuah negara. Sistem pendidikan itu pula mestilah berupaya membentuk tingkah laku dan keperibadian anggota masyarakatnya. Kemahiran dan kepandaian menyelesaikan sesuatu masalah mungkin mudah dibentuk dengan memberi latihan atau kemahiran. Namun kebijaksanaan menilai dan menyatakan benar atau salah sangat berkait rapat dengan ilmu kejiwaan atau kerohanian. Selain memantapkan akidah atau pegangan agama, ahli masyarakat sangat memerlukan suntikan elemen kesusasteraan untuk menyeimbangi keupayaan fizikal dan mental. Hashim Awang (*Dewan Sastera*, Feb 1988:27) menyatakan bahawa kesusasteraan bermanfaat dalam sistem pendidikan negara. Ia bertujuan untuk membaiki individu dan masyarakat, memberi sumbangan dalam bidang kemahiran bahasa, ilmu pengetahuan, sikap positif individu, mempertajam akal, menghidupkan emosi, meningkatkan kesedaran kemasyarakatan dan membentuk keperibadian yang unggul.

Mungkin ada yang mempersoalkan sejauh mana kebenaran ilmu kesusasteraan dapat meladeni kebejatan sosial pada hari ini. Di negara-negara Barat, karyawan sastera mereka disanjung dan tidak keterlaluan dikatakan bahawa taraf sosial mereka lebih kurang sama atau sama tinggi dengan golongan profesional lain. Sumbangan mereka dalam penghasilan karya diberi anugerah dan penghargaan setimpal. Misalnya William Shakespeare yang merupakan seorang penulis dan pengarang kesusasteraan Barat yang terkenal di seluruh



dunia pada zamannya. Bahkan karya-karyanya masih dibaca, diteliti dan dikaji oleh peminat-peminat sastera dan para cendekiawan di seluruh dunia.

Bagi negara kecil seperti negara Malaysia, kedudukan sasterawan masih di tahap yang tidak begitu membanggakan. Namun begitu, sumbangan mereka kepada masyarakat menerusi elemen KOMSAS (Komponen Sastera) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara harus diakui dan diterima sebagai suatu usaha murni untuk mendidik masyarakat melalui pemupukan nilai-nilai yang ada dalam karya-karya terpilih dalam KOMSAS .

Walaupun sedikit impaknya kepada masyarakat tetapi diharapkan prakarsa ini membawa kemaslahatan kepada seluruh ahli masyarakat agar masalah sosial yang berpunca daripada kelemahan pemupukan nilai-nilai setidak-tidaknya dapat dikurangkan. Sulaiman Duraman (*Bahana* Feb, 1991:22) mengatakan bahawa dalam sesebuah negara sedang membangun puisi walaupun tidak banyak memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan ekonomi negara, tetapi puisi amat penting dalam memupuk nilai-nilai sosial dan budaya yang dapat mencerminkan nilai identiti sesebuah masyarakat atau bangsa di dunia ini.

Sebenarnya rantau Asia Tenggara khususnya Alam Melayu juga pernah memiliki beberapa orang tokoh yang terserlah kepenyairan mereka. Antaranya, Hamzah Fansuri, Syeikh Syamsuddin as-Sumatrani, Syeikh Abdul Rauf, Syeikh Yusuf al-Khulwati al-Maqasari, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Abdul Samad Al-Falimbani, dan Nuruddin ar-Raniri. Pengkaji mengambil contoh ketokohan ketokohan Hamzah Fansuri yang terkenal dengan puisi-puisi sufinya.

Menurut Ab. Halim Mohamad (*Sari*, 2011:2), Hamzah Fansuri merupakan penyair yang tersohor di Alam Melayu pada abad ke-16 yang menjadi buah mulut dalam kalangan sarjana di Nusantara. Beliau merupakan intelektual dan ahli sufi yang terkemuka dan dianggap perintis dalam pelbagai bidang keilmuan.

Menurut V.I. Braginsky (1994:15), Hamzah Fansuri ialah seorang ahli tasawuf, zahid dan mistik yang mencari penyatuan dengan *Khaliq* dan menemuinya di jalan *isyk* (cinta). Dalam tulisan Abdul Hadi W.M. (*Dewan Sastera*, 2003:20), Hamzah Fansuri merupakan cendekiawan dan pemimpin tasawuf yang berpengaruh pada zamannya. Peranan penting beliau dalam sejarah pemikiran dunia Melayu Nusantara bukan sahaja kerana wawasan tasawufnya, malah puisinya yang mencerminkan pergulatan penyair menghadapi realiti zamannya dan pengembaraan spiritualnya. Antara syairnya ialah *Syair Anak Dagang*, *Syair Sidang Faqir* dan *Syair Perahu*.

Pada zaman ini, walaupun tiada penyair yang dapat menandingi kepenyairan Hamzah Fansuri lantaran ilmu, pengalaman dan kebolehannya dalam Ilmu Tauhid, Ilmu Fekah dan penguasaannya dalam bahasa al-Quran iaitu bahasa Arab, namun menurut Shafie Abu Bakar (1986:46), sudah mulai kelihatan puisi-puisi yang membawa tema-tema walaupun tidak ada peringkat tasawuf yang tinggi, tetapi menyentuh soal-soal ketuhanan seperti yang dibawa oleh Marhan, Nurhisham Mustafa, Kemala, A. Wahab Ali, Firdaus Abdullah, Wan A. Rafar, Nahmar Jamil, Mokhtar Awang, dan Muhammad Haji Salleh. Di Brunei Darussalam sendiri telah muncul penyair-penyair yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang kuat. Antaranya Adi Rumi, Badaruddin H.O., Shukri Zain, Zairis M.S., Wijaya, Adi Zaky, Dato Paduka Haji Matussin Haji Omar dan Yahya M.S. sendiri.

Merujuk kepada genre kesusasteraan, puisilah atau lebih tepat sajak dikatakan paling hampir dengan masyarakat berbanding genre sastera yang lain. Puisi bukan hanya didominasi oleh golongan beraliran sastera semata-mata malah turut diminati oleh golongan profesional lain. Manakala khalayak pembacanya juga terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Justeru, dalam Bab pengenalan ini, pengkaji akan turut membincangkan perkembangan puisi di negara Brunei Darussalam untuk memberi senario kepada karya yang akan dibincangkan dalam analisis kajian.

### **Sejarah Perkembangan Puisi di Brunei Darussalam**

Dalam perbincangan ringkas sejarah perkembangan puisi di Brunei, pengkaji akan turut membincangkan serba sedikit tentang puisi Islam. Puisi Islam merupakan aliran sebenar puisi Yahya M.S. walaupun pada peringkat awal pembabitannya dalam puisi tidak banyak puisi berunsur Islam dihasilkan.

Perkembangan puisi di negara Brunei Darussalam bermula dengan karya-karya seperti syair, gurindam, pantun dan seloka. Namun puisi dalam bentuk syairlah yang paling menonjol. Antara karya tersebut ialah *Syair Sarkana*, *Syair Rajang*, *Syair Perempuan/Rasi Jodoh*, *Syair Awang Semaun*, *Syair Nasihat*, *Syair Perlembagaan Negara Brunei*, *Syair Raja Jong Jumat* dan *Syair Perkahwinan* (Wandy H.O, *Bahana* Ogos 2006:1).

Meneliti pandangan Awang Kamis (*Bahana* April, 2006:15), sesetengah sarjana atau pengkaji menyatakan bahawa sastera moden Brunei Darussalam muncul pada pertengahan abad ke-19 apabila Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh ibni Pengiran Sharmayuda yang juga dikenali sebagai "Bapa Sastera Moden Brunei Darussalam" telah menghasilkan puisi iaitu *Syair Rakis*.

Tidak dapat dipastikan dengan tepat bilakah puisi moden Brunei iaitu sajak bermula. Terdapat beberapa pandangan berhubung perkara ini. Menurut Sariani Haji Ishak (1997:13) yang telah menulis tentang "Sumbangan dan Peranan

Penulis Lepasan S.I.T.C Kepada Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden Brunei: Suatu Tinjauan”, mengatakan bahawa satu kesepakatan telah dicapai dalam Seminar Sastera yang dianjurkan oleh Persatuan ASTERAWANI pada 12 hingga 14 Jun 1964. Satu resolusi telah dibuat iaitu penulisan cerpen di Brunei bermula sejak tahun 1930-an lagi. Begitu juga dengan puisi (walaupun dalam seminar tersebut penulisan puisi tidak disentuh) adalah dipercayai juga bermula pada tahun tersebut.

Wandy H.O. memberikan pendapat yang sama dengan Hajah Sariani Haji Ishak berhubung permulaan penulisan cerpen dan puisi. Tambahnya lagi, karya puisi atau sajak awal yang dapat dikesan ialah sajak yang bertajuk “Merdeka” karya Yura Halim dan diterbitkan dalam *Majalah Hiburan* diikuti oleh sajak “Tangisan Terjajah” yang terbit pada 2 Mei 1948 (*Bahana*, Ogos 2006:12).

Perkara sama telah diperkatakan dalam buku selenggaraan Abdullah Hussain dan Muslim Burmat iaitu *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* (1984:21). Berdasarkan kepada Seminar Sastera yang berlangsung pada 12 hingga 14 Jun 1964, mereka mengatakan bahawa sajak di Brunei juga sudah ditulis pada tahun 1930-an terutama dicipta oleh kaum guru yang sedang menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Pendapat yang sama turut ditemui dalam buku *Puisi-puisi Nusantara* selenggaraan Ahmad Kamal Abdullah (1981:xxiii).

Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Muhammad Abdul Latiff yang menyatakan bahawa sajak di Brunei Darussalam sebenarnya sudah ditulis pada tahun 1930-an, terutama dicipta oleh kaum guru yang sedang menuntut di S.I.T.C atau di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim tetapi kebanyakan puisi tersebut tidak dapat dikesan atau ditemui lagi (*Bahana* Apr-Jun, 1976:34).

Menurut Morsidi Haji Muhamad (2011:32), ada kemungkinan puisi Melayu Moden karya penyair-penyair Brunei disiarkan atau diterbitkan di Malaysia atau Singapura sekitar dekad 1930-an. Beliau mengambil kira pandangan Yura Halim yang menyatakan bahawa sebelum beliau dihantar berkursus di MPSI, Malaya pada tahun 1939, sudah ada lima kumpulan yang lain berkursus di situ iaitu mulai tahun 1934. Tambahnya lagi dalam jangka masa enam tahun itu mungkin ada puisi Melayu moden yang ditulis oleh penyair Brunei. Misalnya penyair berbakat iaitu Nordin Abdul Latif dan H.M. Saleh.

Morsidi Haji Muhamad juga berpegang kepada kenyataan Yura Halim yang mengatakan bahawa pada tahun 1939, beliau hanya menghantar rencana sahaja. Beliau juga merujuk kepada Harun Mat Piah yang menyatakan bahawa puisi terawal yang ditulis oleh penyair Brunei ditemui pada tahun 1940 dalam *Utusan Zaman*, ditulis oleh Putera Tulen Di Tanjung dan ditujukan kepada penuntut-penuntut Brunei di MPSI. Puisi ini masih terikat dengan bentuk pantun, sama seperti puisi awal di Indonesia dan Malaysia yang masih kuat terikat

dengan bentuk tradisional. Seterusnya, Morsidi Haji Muhamad menyatakan bahawa satu lagi puisi Putera Tulen Di Tanjung yang khusus mengalu-alukan penerbitan dan keberkesanan akhbar *Utusan Zaman* telah diterbitkan pada tahun 1937. Puisi tersebut berjudul “Utusan Zaman Di Temasik” dan tersiar dalam *Utusan Zaman* pada 28 September 1940.

Bagaimanapun, bagi Awang Ahmad Haji Tuah (*Bahana*, April 2004:58), beliau menganggap rumusan Seminar Sastera 1964 itu masih merupakan “hipotesis” atau andaian awal kerana bukti kukuh tidak pernah diketengahkan dalam sesuatu perbicaraan sastera. Begitu juga rumusan yang mengatakan bahawa perkembangan sastera di Brunei bermula dari tahun 1840 iaitu zaman *Syair Rakis* karya Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh belum dapat dijadikan pegangan atau ukuran dalam menyukat sejarah perkembangan sastera di Brunei.

Satu perkara yang penting, akhbar memainkan peranan yang besar dalam memajukan puisi. Menurut Abdullah Hussain dan Muslim Burmat (1984:21-22), ketika Perang Dunia Kedua pihak Jepun telah menggunakan akhbar sebagai alat untuk menentang pihak Tentera Berikat. Mereka menerbitkan Akhbar *Berita Malai*, Majalah *Semangat Asia* dan *Fajar Asia* di Singapura. Tujuan mereka adalah untuk melancarkan slogan ‘Asia Untuk Orang Asia’ dan ‘Asia Timur Raya’. Dalam akhbar dan majalah inilah dimuatkan sastera kreatif seperti sajak. Tidak diketahui adakah penulis atau penyair Brunei yang telah menulis pada tahun 1930-an turut bersama-sama Masuri S.N., Samad Ismail, Zuber Salam, Bachtiar Effandi, M. Kidin dan Tharuddin Ahmad menyumbangkan hasil karya mereka di dalam *Berita Malai*, *Fajar Asia* dan *Semangat Asia* itu.

Setelah perang tamat pada tahun 1945, guru-guru Brunei yang belajar di MPSI telah kembali belajar di situ. Di sana mereka secara langsung belajar mengenai bahasa dan sastera. Antaranya daripada Za’ba, Harun Muhammad Amin, dan Ahmad Bachtiar. Ada dalam kalangan mereka yang menaruh minat besar dalam lapangan ini. Hasil latihan, pembacaan yang dibuat dan dorongan daripada guru-guru dan rakan-rakan, mereka berjaya mencipta sajak dan cerpen. Kebanyakan karya mereka dimuatkan dalam majalah tahunan MPSI, akhbar-akhbar *Warta jenaka*, *Warta Ahad*, majalah *Guru*, *Suloh Malaya*, dan *Majlis*. Antara penulis yang aktif pada masa itu ialah Nun Ain Lam, H.M. Salleh, Tamin Mali (Mata Hayat), S. Muhammad (Musba), Sekunar Hayat, Guru Muda, Anak Jati Brunei dan Putera Di Tanjung. Tetapi yang dikatakan menonjol dan diketahui umum ialah Yura Halim (*Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984:22).

Morsidi Haji Muhamad (2011:36) mengatakan bahawa antara tahun 1946 hingga 1949 terdapat beberapa buah puisi yang dihasilkan oleh para penyair Brunei. Antaranya ialah puisi yang ditulis oleh Jiwa Baru berjudul “Bisikan Jiwa”, yang tersiar dalam majalah *Hiburan* keluaran November 1946. Puisi ini lebih mendekati puisi moden dengan meninggalkan bentuk syair atau pantun tetapi

ciri tradisional masih ketara (2011:35). Menurut Morsidi Haji Muhamad lagi, sajak lain yang disiarkan dalam majalah *Hiburan* sepanjang tahun 1947 ialah sajak “Merdeka” dan “Tangisan Terjajah” karya Yura Halim, sajak “Darah Muda” karya Hani dan sajak “Hiduplah Barisan Pemuda (BARIP)” oleh Gustam Negara.

Walaupun penulisan sajak dikatakan sudah wujud pada tahun 1930-an dan berkembang sejak tahun 1946, tetapi perkembangannya di Brunei baharu nampak jelas pada tahun 1950-an apabila terbitnya akhbar mingguan *Salam*. Akhbar *Salam* diterbitkan pada setiap hari Sabtu untuk pekerja-pekerja Syarikat Minyak Shell ketika itu. Akhbar ini menyediakan ruangan khas yang dinamakan “Ruangan Kesusasteraan” di bawah pimpinan Abd. Rahman Haji Muhammad yang memuatkan karya-karya

Sajak yang disiarkan melalui ruangan itu (antara tahun 1955-1956) bukan sahaja daripada kalangan guru, malah daripada golongan pelajar dan orang ramai. Antara penyair yang diketengahkan ialah B.H. Affandi, Abd. Aziz Malim, Ab. Alihashim (Doli), F. Hazairin, Arham, Abdi Sastera dan Ahmady, tetapi penyair yang menonjol dan baik karyanya seperti Adi Kelana, Madati, Seri Brunei, Mata Hayat, Ab. Yuza, Ros Desa, Adi Marhaen dan Emha Sabah. Bentuk sajak yang digarap pada waktu itu lebih kepada bentuk prosa berupa lirik yang digubah dengan susunan ayat-ayat yang panjang pada satu baris yang merupakan catatan dan susunan kata-kata yang ditulis terus menerus melalui sebuah cerita. Selain itu, terdapat juga sajak-sajak yang berbentuk syair dan pantun. Ini jelas diperhatikan dalam sajak-sajak awal Yahya M.S. seperti sajaknya yang berjudul “Sebuah Madah” (*Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984:22-23).

Menurut Morsidi Haji Muhamad (2011:39), pada awal dekad 1950-an terdapat beberapa penyair yang memperlihatkan pembaharuan dalam penulisan bentuk sajak mereka. Antaranya ialah Guru Muda dengan puisinya “Tiada Yang Abadi” (*Majalah Guru*, Julai 1950), Adi Kelana dengan puisinya “Sebuah Asmara” (*Mingguan Melayu*, Julai 1952) dan Sekunar Hayat dengan puisinya “Aku Manusia Biasa” (*Majalah Guru*, November 1954).

Tambah Morsidi Haji Muhamad (2011:41) lagi, antara tahun 1955 hingga 1959 semakin banyak puisi moden yang dihasilkan oleh penyair-penyair Brunei Darussalam. Puisi-puisi yang telah dihasilkan memperlihatkan kelainan dan adanya perubahan (penyimpangan daripada ciri-ciri tradisional) walau terdapat sebahagian besar puisi yang masih terikat dengan ciri-ciri puisi tradisional. Perkembangan sajak terus subur dengan munculnya empat buah akhbar di Brunei ketika itu iaitu akhbar *Salam* (1955-1956), *Berita Brunei/Berita Borneo* (1957-1958), *Malaysia* (April 1958-September 1958) dan *Suara Rakyat* (Januari 1957-Jun 1957) (2011:41). Keempat-empat akhbar ini telah menyediakan ruangan khusus untuk penulisan sajak dan cerpen. Semakin ramai penulis muda yang terdiri daripada kalangan guru, pelajar dan golongan lain yang berminat dalam kesusasteraan muncul di samping penulis-penulis yang sudah

mapan. Antara mereka ialah B.H. Affandy, Ab. Alihisham (Doli), F. Hazairin, Arham, Abdi Sastera, Ahmady, Madati, Adi Marhaen, Seri Brunei, Ros Desa, Madah Satria (Yahya M.S.), Bahaman (Badaruddin H.O.), Adi Rumi, Adi Kelana, K. Manis, Salmi Mesra, S.B. Insan, A. B. Yuza, Atma Kelana dan Kamid Soefyran. Namun masih ada antara penyair-penyair tersebut yang menghantar puisi-puisi mereka ke akhbar-akhbar dan majalah-majalah di Tanah Melayu dan Singapura seperti Adi Rumi, Badaruddin H.O., dan Yahya M.S. (2011:41-42).

Kegiatan penulisan sajak menjadi sepi buat sementara waktu dan perkembangan puisi tergendala seketika apabila *Berita Brunei/Berita Borneo* dan akhbar *Malaysia* menghentikan penerbitan pada tahun 1958. Sebelum itu, akhbar *Salam* (1956) dan *Suara Rakyat* (1957) telah menutup operasi mereka. Walau bagaimanapun, sebahagian penyair Brunei yang mempunyai minat dan kecintaan yang mendalam terhadap dunia persajakan seperti penyair tiga serangkai (Yahya M.S., Badaruddin H.O., dan Adi Rumi) telah menghantar karya-karya mereka ke luar negeri untuk diterbitkan. Mereka telah menghantar sajak-sajak mereka ke akhbar-akhbar dan majalah-majalah seperti mingguan *Utusan Filem dan Sport*, *Utusan zaman*, majalah *Mastika* dan *Bintang*. Yahya M.S., Badaruddin H.O., dan Adi Rumi sedang menuntut di Singapura pada ketika itu (Morsidi Haji Muhamad, 2011:45-46).

Kemudiannya, pada awal tahun 1960-an, penciptaan sajak-sajak kembali rancak dengan lahirnya akhbar *Suara Bakti*. Kebanyakan puisi yang tersiar dalam akhbar ini adalah berbentuk bebas dan tidak terikat dengan ciri-ciri puisi tradisional serta mempunyai tema yang pelbagai. Begitu juga ada sajak-sajak para penyair Brunei diterbitkan dalam akhbar di Sabah seperti *Daily Express* dan *Sabah Times*. Ada juga yang menghantar sajak-sajak mereka ke Singapura dan Semenanjung Malaysia untuk diterbitkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah seperti *Utusan Zaman*, *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Mastika*, *Mutiara*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Bahasa (Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984:26).

Selepas itu penerbitan akhbar *Suara Bakti* pula dihentikan pada tahun 1962 dan diganti pula dengan akhbar *Bintang Harian* pada 27 Mac 1966. Pelbagai tema sajak digarap oleh para penyair Brunei seperti tema kasih sayang, alam sekitar, dan masalah sosial setempat (*Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984:26). Akhbar ini telah melahirkan para penyair yang berpotensi seperti A. Yusuf Gumbol, M.T. Zunah, Adi Misere, Anuar A.R., Husni H.S., Adi Asma, Muhammad Pria, Shawal Rajab dan Asri Ananda. Sekali-sekala beberapa penyair yang telah mempunyai nama seperti K. Manis, A.S. Isma, Noorilham, Rahim M.S., dan Adi Marhaen turut menyumbang karya mereka dalam akhbar tersebut (Morsidi Haji Muhamad, 2011:48).

Pada bulan Jun 1966, lahir pula majalah *Bahana*, keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Hal ini disambut baik oleh penulis-penulis Brunei, terutamanya mereka yang bernaung di bawah ASTERAWANI. ASTERAWANI ketika itu

terlalu menginginkan adanya sebuah majalah bahasa dan budaya yang khusus bagi menampung karya kreatif seperti sajak, cerpen dan artikel-artikel bahasa dan kesusasteraan (*Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984:26-27). Antara penyair yang aktif menulis dalam *Bahana* ialah A.S. Isma, Adi Marhaen, Noorilham, K. Manis, M.I. Mas, Norsiah M.S., Shawal Rajab, Rahim M.S., Norhaimen (Morsidi Haji Muhamad, 2011:49), dan termasuklah penyair yang dipilih dalam kajian ini iaitu Yahya M.S..

Menjelang tahun 1970-an, akhbar *Bintang Harian* tidak lagi diterbitkan. Penerbitannya telah dihentikan pada 9 Januari 1971. Suasana penulisan puisi di Brunei menjadi kurang rancak. Namun perkembangan dan pertumbuhan sajak tidaklah terganggu (*Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984:27). Menurut Morsidi Haji Muhamad (2011:49), penyair Brunei hanya bertumpu kepada majalah *Bahana* yang diterbitkan tiga bulan sekali. Selain itu, beberapa orang penyair Brunei telah menghantar karya mereka ke Singapura dan Malaysia. Antara mereka yang mendapat tempat di Singapura dan Malaysia ialah A.S. Isma, Shawal Rajab, Noorilham, Rahim M.S., Adi Marhaen, K. Manis dan Brahim A.H.T.. Puisi-puisi mereka tersiar dalam *Utusan Zaman*, *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu* (Edisi Malaysia), *Berita Minggu* (Edisi Singapura), *Mastika*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Bahasa*.

Selain itu, menurut Morsidi Haji Muhamad (2011:49) penyair-penyair yang gemar menulis puisi-puisi berunsur Islam dan dakwah dapat menyalurkan karya mereka melalui *Majalah Al-Huda* terbitan Jabatan hal Ehwal Agama (sekarang Kementerian Hal Ehwal Agama). Antara penyair tersebut ialah Salmi Mesra, Taibah M.S., H.M. Hamiebas, Adi Marhaen, S.J Sawas dan A. Hashim Hamid.

Tambah Morsidi Haji Muhamad (2011:50) lagi, pada dekad 1970-an juga lahir beberapa penulis puisi eksperimen di Indonesia dan Malaysia. Misalnya Hamid Jabar dan Ibrahim Sattah di Indonesia dan Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) dan Suhaimi Haji Muhammad di Malaysia. Di Brunei hanya terdapat beberapa puisi eksperimen yang dihasilkan oleh P.H. Muhammad Abd. Aziz (Patani) dan H. Mar selepas era kemerdekaan iaitu pada tahun 1984 hingga tahun 1990-an. Namun begitu, terdapat beberapa penyair Brunei yang telah berjaya menghasilkan puisi-puisi yang mempunyai kekuatan tersendiri terutama dalam aspek bentuk dan isi. Puisi-puisi mereka dianggap baik dan bermutu serta sering diperkatakan di dalam negeri dan di luar negeri seperti Yahya M.S., Badaruddin H.O., dan Adi Rumi.

Seterusnya, Morsidi Haji Muhamad (2011:51) juga menyatakan selepas Brunei merdeka pada tahun 1984, bahagian penerbitan memainkan peranan yang sangat aktif dalam menyiarkan karya-karya para penyair Brunei. Majalah *Bahana* telah diterbitkan sebulan sekali dengan lima belas hingga dua puluh puisi disiarkan. Akhbar *Pelita Brunei* pula menyiarkan antara tiga hingga enam puisi setiap minggu. Manakala akhbar mingguan *Media Permata* menyiarkan dua hingga empat puisi pada setiap minggu. Masih ada para penyair Brunei

yang menghantar karya puisi mereka ke media luar terutamanya Malaysia. Antaranya ialah A.S. Isma, Adi Marhaen dan Zairis M.S..

Begitu juga dengan jumlah karya puisi yang dihasilkan. Penghasilan puisi semakin bertambah jika dibandingkan dengan era sebelumnya. Banyak puisi penulis Brunei dimuatkan dalam kumpulan puisi masing-masing dan ada juga yang diterbitkan dalam antologi bersama. Antaranya Yura Halim dengan kumpulan puisinya *Loyang Tua Balan Berkias II* (1993); A.S. Isma – *Empat Pesanan* (1990) dan *Tiada Jalan Keluar* (1996); Zairis M.S. dengan kumpulan puisi *Rinduku* (1985) dan *Harga Waktu* (1993); P.H. Muhammad Abd. Aziz (Patani) – *Suara Di Ambang Senja* (1992); Norhaimen – *Taman Laut* (1991); Salmi Mesra – *Sentuhan Jiwa* (1994) dan *Perjalanan di Wajah Bayang* (1996); Yusof M.D. – *Burung Perutusan* (1990); Adi Kelana – *Di Balik Mega* (1986); Norsiah M.S. – *Selembut Bayu* (1992); H. Mar – *Hidup yang Mati* (1996); Shukri Zain – *Damai Dalam Sentuhan* (1990); Rahim M.S. – *Musim-musim Berlalu* (1997); K. Manis – *Jalan-jalan Berjalan-jalan* (1998); Adi Mesere – *Watak Di Balik Kaca* (1994); Haji Jawawi Haji Ahmad – *Jam Meja* (1996) dan *Lahar* (2002); Mahadi R.S. – *Dari Bintang Ke Bintang* (2005) dan tentu sekali penyair yang dipilih dalam kajian ini iaitu Yahya M.S.. Kumpulan puisi Yahya M.S. yang telah diterbitkan pada era ini antaranya ialah *Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang* (1988), *Jalan Perak dari Sekolah Melayu ke Masjidil-Haram di Makkah Al-Mukarramah* (1992), *Perjalanan Terakhir Anakku yang Hilang* (2003), *Perjalanan Kedua Dari Rumah Ke Puncak Suasana* (2003), *Nyanyian Perjalanan Mencari Diri Dari Muara Ke 'Arafat* (2004), *Perjalanan Kembali Dua Puluh Musim* (2005) (2011:51), *Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid* (2007) dan kumpulan puisi *Musim-musim Perjalanan [Kumpulan Puisi 2004 – 2009]* (2013).

Pelbagai tema telah diungkapkan oleh para penyair pada era selepas merdeka sesuai dengan kematangan para penyair. Antara tema yang sering dibicarakan ialah tentang kemerdekaan, pembangunan, cinta akan tanah air, alam, keagamaan, kemanusiaan, moral dan kritik sosial (Morsidi Haji Muhamad, 2011:52). Menyentuh perkembangan puisi Islam di Brunei, keseluruhannya banyak dihasilkan oleh para penyair yang mempunyai latar belakang pendidikan agama. Demikian menurut Yahya M.S. atau Yang terhormat Pehin Diraja Khatib Dato' Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dalam pembentangan kertas kerjanya iaitu "Persoalan Keagamaan Dalam Puisi Baru di Brunei" dalam Seminar Antarabangsa Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Bandar Seri Begawan, Brunei pada 3 – 8 Ogos 1987. Beliau menyimpulkan bahawa karya puisi berunsur agama pada keseluruhannya banyak dihasilkan oleh para penyair yang mempunyai latar belakang agama dan sebaliknya penyair yang tidak mempunyai latar belakang demikian amat jarang menghasilkan puisi agama. Jika ada, puisinya tidak begitu memuaskan kerana persoalan agama yang mendarat.

Ini ada benarnya kerana para pelajar Brunei tidak hanya dihantar ke Sultan Idris Teaching College (SITC) atau MPSI. Menurut Mohammad Abd. Rahman



(2006:8), ada juga para pelajar Brunei yang dihantar ke Sekolah Arab Al-Junied al-Islamiah di Singapura dan seterusnya ke Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei pada tahun 1950-an. Hampir kesemuanya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Penyair-penyair tersebut ialah Shukri Zain, Adi Rumi, Badaruddin H.O., Salmi Mesra, Zairis M.S. dan termasuklah tokoh yang dikaji puisinya dalam kajian ini iaitu Yahya M.S..

Perkembangan puisi Islam di Brunei banyak didukung oleh beberapa institusi lebih-lebih lagi kepada institusi yang berperanan dalam berdakwah seperti Jabatan Pusat Dakwah Islamiah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Mufti, dan Penerangan. Menurut Haji Sulaiman Haji Duraman (*Bahana*, Jun 2004:34), Jabatan Pusat Dakwah Islamiah dalam Kementerian Hal Ehwal Agama merupakan institusi yang dianggapnya penting dalam perkembangan sastera Islam dengan menganjurkan peraduan penulisan seperti puisi dan cerpen. Begitu juga dengan Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei yang telah menerbitkan antologi puisi *Hidayat* dan antologi *Hidayat II* pada tahun 1971 dan 1975. Turut memainkan peranan ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang telah banyak menyiarkan puisi-puisi Islam dalam setiap keluaran majalah mereka. Apatah lagi, kegiatan penghasilan puisi Islam sangat digalakkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei untuk menjadikan Islam satu cara hidup yang lengkap dan sempurna. Justeru, puisi-puisi Islam sangat dialu-alukan dan sangat diminati di Brunei Darussalam.

Rumusannya, meskipun wujud perbezaan dan percanggahan pendapat dalam isu perkembangan puisi di Brunei baik puisi moden biasa atau puisi berciri keislaman, namun jelas para penyair di Brunei Darussalam pada masa dahulu dan kini telah memberi warna kepada perkembangan puisi dan kesusasteraan Brunei. Mereka amat berbangga kerana mempunyai tokoh sastera dan juga penyair seperti Muda Omar 'Ali Saifuddien dan Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh yang dikatakan memiliki *weltans-chaung* atau *world-view* yang setanding dengan penulis-penulis ternama di Alam Melayu seperti Tun Sri Lanang, Hamzah Fansuri, dan Raja Ali Haji.

Dalam sastera moden pula, Brunei mempunyai deretan nama sasterawan. Tulisan para penulis mereka sudah dapat merentas rantau dan mewarnai perkembangan sastera Brunei seperti Yura Halim, Shukri Zain, Adi Rumi, Wijaya, Badaruddin H.O., Adi Kelana, Muslim Burmat, dan Yahya M.S.. Pihak-pihak yang berkenaan di Brunei Darussalam perlu mengambil pelbagai langkah untuk memastikan puisi-puisi di Brunei khususnya puisi-puisi Islam ada kesinambungannya agar legasi kecemerlangan puisi mereka terus subur dan setanding dengan negara-negara lain di Nusantara ini bahkan di seluruh dunia. Ini tidak mustahil kerana penyair seperti Yahya M.S. merupakan seorang penyair yang sangat berkebolehan dalam menghasilkan puisi baik dalam

bahasa Inggeris mahupun Bahasa Arab, apatah lagi bahasa Melayu, bahasa ibunda yang mendarah daging dalam dirinya.

### **Pernyataan Masalah**

Genre puisi begitu diminati dan dekat dengan jiwa masyarakat berbanding genre lain seperti novel, cerpen, teater dan drama. Kelompok peminat puisi pula tidak terhad kepada golongan dewasa sahaja. Golongan remaja dan kanak-kanak juga tidak ketinggalan. Penyair pula bukan lagi terdiri daripada kelompok aliran sastera. Penyair berbakat besar sudah muncul dari masyarakat pelbagai latar belakang pekerjaan dan pendidikannya. Ini merupakan suatu petanda yang baik bahawa masyarakat sudah bijak menilai.

Berdasarkan sorotan literatur yang dibuat, tidak banyak kajian-kajian yang membahaskan khusus tentang kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid'. Hanya tiga kajian yang ditemui membincangkan kumpulan puisi ini dalam kajian mereka. Dua kajian dibuat oleh pengkaji dari Universiti Brunei Darussalam di peringkat sarjana dan satu lagi kajian dilakukan oleh penuntut ijazah sarjana muda sebagai latihan ilmiah di Universiti Putra Malaysia. Daripada tiga kajian kumpulan puisi itu, tiada satu pun yang membincangkan konsep *taqarrub*. Kajian mereka berkisar kepada aplikasi Takmilah, unsur-unsur Islam dan kajian dari perspektif teori SPB4L.

Kajian lain berhubung puisi-puisi lain Yahya M.S., ditemui tiga kajian sahaja dalam bentuk tesis sarjana iaitu kajian yang menjurus kepada perlambangan dalam puisi-puisi Yahya M.S., analisis unsur-unsur Islam dalam puisi karya Yahya M.S, dan kajian salah satu kumpulan puisi penyair dari sudut stilistik. Ketiga-tiga kajian ini dijalankan oleh pengkaji daripada Universiti Brunei Darussalam. Tiada kajian lain ditemui yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji daripada Malaysia. Mungkin ada kajian lain yang memfokuskan penyair Yahya M.S tetapi sukar ditemui.

Seterusnya, sorotan literatur tentang penyair Yahya M.S. sendiri. Hanya ditemui tujuh kajian yang dimuatkan dalam pembentangan kertas kerja, jurnal, seminar, dan sumber daripada buku yang membicarakan ketokohan penyair. Penyair merupakan sasterawan terkenal di Brunei selain aktif menghasilkan karya-karya terutamanya puisi bercorak kerohanian dan keislaman. Yahya M.S. bukan sahaja seorang sasterawan yang menempa nama di Brunei tetapi juga di seluruh Asia Tenggara, malahan beliau adalah golongan agamawan yang telah menjawat pelbagai jawatan daripada guru agama sehinggalah jawatannya sekarang iaitu Ketua Hakim Syarie di Brunei Darussalam. Beliau juga seorang negarawan yang banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara Brunei Darussalam. Penyair juga boleh berbahasa dengan fasih dalam Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Justeru, amat wajar suatu kajian yang mengetengahkan hasil karya penyair ini dilakukan. Dalam kajian ini kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' telah dipilih untuk

dikaji. Kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' menjadi bahan kajian kerana kumpulan puisi ini merupakan kumpulan puisi terkini pada masa pengkaji memilih bahan kajian. Kini, kumpulan puisi perseorangan kesembilan penyair telahpun diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam pada tahun 2013.

Di samping itu, pengkaji turut membuat sorotan kajian dari aspek tasawuf atau kerohanian. Banyak ditemui kajian-kajian yang memfokus kepada unsur tasawuf atau unsur kerohanian. Ditemui empat kajian yang membicarakan khusus tentang unsur tasawuf yang dibuat oleh Samsina Abd. Rahman. Mungkin ada banyak lagi kajian beliau yang menjurus kepada unsur yang diperkatakan tetapi bukan dari konsep *taqarrub*. Selain itu, ditemui kajian sarjana yang membicarakan aspek estika Islam dalam kumpulan puisi Adi Rumi, salah seorang penyair di negara Brunei. Terdapat juga satu kajian tentang *Puisi Hidayat* dari aspek Persuratan Baru. Turut ditemui kajian yang dijalankan oleh Morsidi Haji Muhamad pensyarah kanan dan sarjana dari Brunei Darussalam yang membahaskan sumbangan penyair berpendidikan agama di Brunei, dan unsur-unsur Islam dalam puisi-puisi penyair Brunei.

Berdasarkan pendapat dan senario yang telah dikemukakan suatu kajian untuk melihat peranan dan fungsi tasawuf khususnya konsep *taqarrub* dalam konteks zaman milenium ini patut dilakukan. Jika pada zaman dahulu sastera bercorak tawasuf menjadi medium utama penyebaran Islam. Begitu juga pada zaman ini dan pada masa akan datang, tasawuf tetap relevan dan benih-benihnya wajar dicambahkan kembali ke dalam jiwa masyarakat yang semakin lupa hakikat penciptaan mereka. Sastera yang diadun dengan konsep-konsep tasawuf atau lebih dikenali sebagai sastera Islam merupakan salah satu wadah paling berkesan untuk mendidik, menyedar dan memajukan masyarakat sebagai wacana ilmu yang mempunyai nilai tambah.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis konsep *taqarrub* dalam kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali seorang Abid' karya Yahya M.S..
2. Menghubungkan antara konsep *taqarrub* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan puisi-puisinya.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini akan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kajian ini turut menggunakan teori Konseptual Kata Kunci yang dijana oleh Mohamad Mokhtar Hassan sebagai kerangka dalam menganalisis puisi-puisi karya Yahya M.S. dalam kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' (2007). Terdapat tiga prinsip dalam teori ini

iaitu pertama, prinsip kepengaruhannya; kedua prinsip pemilihan kata; dan ketiga prinsip kesan. Namun pengkaji akan menerapkan dua prinsip sahaja iaitu prinsip kepengaruhannya dan prinsip pemilihan kata sahaja untuk mengungkap konsep *taqarrub* penyair.

Teori Konseptual Kata Kunci menjadi pilihan pengkaji kerana prinsip kedua teori ini iaitu prinsip pemilihan kata membolehkan penelitian terhadap kata kunci yang terdapat dalam puisi-puisi yang dikaji. Seterusnya, daripada kata kunci-kata kunci tersebut, analisis konsep *taqarrub* akan dilakukan dengan tujuan mencapai objektif pertama kajian ini. Konsep *taqarrub* pula merujuk kepada takrifan yang diberi dalam bahagian Definisi Operasional. Prinsip pertama teori Konseptual Kata Kunci iaitu prinsip kepengaruhannya diterapkan untuk menghubungkaitkan antara konsep *taqarrub* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan puisi-puisi penyair yang dikaji bagi mencapai objektif kedua kajian. Kedua-dua prinsip ini diterapkan tanpa menerapkan prinsip ketiga teori iaitu prinsip kesan kerana kedua-dua prinsip ini mampu mencapai objektif kedua kajian iaitu menganalisis konsep *taqarrub* dalam kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' dan menghubungkaitkan antara konsep *taqarrub* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan puisi-puisi yang dikaji serta kedua-dua prinsip ini juga mampu menjawab permasalahan kajian.

Seterusnya, data-data diperoleh daripada penelitian kata kunci-kata kunci yang terkandung dalam puisi-puisi yang terdapat dalam kumpulan puisi Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid. Analisis data (kata kunci-kata kunci) akan dilakukan untuk menentukan wujud atau tidak konsep *taqarrub* dalam puisi-puisi yang dikaji. Analisis akan dilakukan dengan mengungkap beberapa konsepsi penyair dalam beberapa wasilah yang akan dijelaskan pada bahagian Definisi Operasional.

Diharapkan kaedah dan teori yang dipilih dalam kajian ini akan dapat dibuat dengan sebaik-baiknya serta dapat pula mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Perincian teori ini akan dijelaskan Bab III iaitu Metodologi Kajian.

### **Kepentingan kajian**

Sebelum ini telah ada yang menjadikan kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' (2007) karya Yahya M.S. ini sebagai subjek kajian tetapi belum ada lagi yang mengkajinya dari aspek tasawuf khususnya konsep *taqarrub* itu sendiri. Selain itu, kumpulan puisi ini dilihat sesuai untuk melihat perkembangan karya-karya dari luar Malaysia khususnya di negara Brunei Darussalam terutamanya dalam aspek tasawuf. Tidak ramai pengkarya dari Brunei yang membicarakan aspek tasawuf atau kerohanian mahupun konsep *taqarrub* secara langsung dalam karya-karya mereka khususnya genre puisi. Setakat yang diketahui hanya Yahya M.S. dan dua orang lagi rakannya iaitu Badaruddin H.O. dan Adi Rumi (dikenali sebagai kumpulan tiga serangkai),

Shukri Zain dan Zairis M.S. yang sering memuatkan persoalan dan nilai ketuhanan dan keagamaan dalam puisi-puisi mereka. Mungkin ada penyair lain yang mengikut jejak langkah Yahya M.S. namun tidak seprolifik beliau dalam penghasilan karya.

Diakui juga negara Brunei sudah memiliki ramai penulis yang muncul dengan tema kerohanian atau tasawuf tetapi tidak ramai yang mempunyai latar belakang pendidikan, kerjaya dan penghasilan karya yang berterusan seperti mana Yahya M.S..

Diharapkan kajian ini dapat menambahkan lagi kajian-kajian yang dilakukan ke atas pengkarya dari luar Malaysia khasnya dari negara Brunei Darussalam. Diharapkan juga kajian yang mengaplikasikan teori tempatan iaitu teori Konseptual Kata Kunci janaan Mohamad Mokhtar Hassan dapat memperkukuh dan memantapkan lagi teori berkenaan selain menambahkan lagi bilangan kajian yang mengaplikasikan teori-teori tempatan yang ada. Di samping itu, pengkaji dapat menguasai teori dengan lebih baik dengan mengaplikasikannya terhadap puisi-puisi dalam kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' (2007) karya Yahya M.S..

Dengan adanya kajian ini juga diharapkan dapat memberi pengetahuan baharu tentang konsep *taqarrub* kepada pengkaji dan khalayak pembaca. Juga memberi gambaran secara umum cara atau jalan (*wasilah*) untuk mendekatkan diri kepada Allah selain amalan rutin yang dilakukan oleh kebanyakan ahli masyarakat seperti bersolat, berzikir, berdoa, bertaubat, amalan-amalan di bulan Ramadan dan bulan Muharam, peristiwa-peristiwa besar dalam Islam misalnya peristiwa sambutan hari raya Aidil Fitri, peristiwa hijrah, dan peristiwa Israk dan Mikraj. Semoga kajian ini juga dapat menyumbangkan sesuatu walaupun kecil untuk difikirkan bersama oleh para pengkaji dan pengkritik yang lain demi memartabatkan bidang kesusasteraan di negara ini.

### **Batasan Kajian**

Kajian tertumpu kepada puisi-puisi Yahya M.S. dalam kumpulan puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' (2007). Seterusnya analisis teks yang dilakukan untuk melihat konsep *taqarrub* dalam puisi-puisi yang dikaji akan menerapkan dua prinsip dalam teori Konseptual Kata Kunci iaitu prinsip kepengaruhan dan prinsip pemilihan kata. Kumpulan puisi ini dipilih kerana ia menghimpunkan puisi-puisi yang telah dihasilkan oleh Yahya M.S. sejak dari tahun 1958 hingga 2003 dan pernah diterbitkan dalam tujuh buah kumpulan puisi sebelumnya. Himpunan puisi ini juga memaparkan pencarian seorang hamba Allah atau *abid* terhadap makna kehidupan dunia dan akhirat yang berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah. Tema kerohanian dan keagamaan yang digarap ini begitu sesuai untuk pengkaji melihat dan menganalisis konsep *taqarrub* yang menjadi asas kepada kajian ini.

## Definisi Operasional


Berdasarkan tajuk kajian terdapat dua kata kunci utama iaitu kata *taqarrub* dan puisi. Merujuk kepada *Ensiklopedia Islam* (2004:64) *taqarrub* dalam bahasa Arab berasal daripada kata *qaruba* bermaksud dekat. Dalam ilmu tasawuf *taqarrub* bererti mendekatkan diri kepada Allah SWT. Maksud daripada ajaran ini ialah agar manusia selalu mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ertinya, berbuat baik atau berlaku taat dengan jalan mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Berdasarkan pandangan beberapa tokoh dalam Bab II di halaman 30 hingga 33, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa *taqarrub* adalah merujuk kepada apa juga cara, usaha, amalan, tindakan atau aktiviti yang dilakukan oleh seseorang individu secara ikhlas untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT sehingga dapat mencapai kedudukan yang mulia dan terpuji di sisi-Nya. Amalan-amalan yang dilakukan tidak terbatas kepada perkara-perkara wajib sahaja bahkan amalan-amalan sunat yang dibuat secara berterusan.

Manakala takrif puisi berdasarkan pendapat tokoh-tokoh di halaman 33 hingga 35, dapatlah dirumuskan secara umum bahawa puisi merupakan cetusan pemikiran atau luahan emosi penyair yang lahir hasil daripada pemerhatian, pengalaman, pengamatan yang dialami atau yang diperoleh di persekitaran mereka; kemudiannya digarap dan diolah dalam bahasa yang cukup indah dan puitis serta penuh makna kepada penggemar sastera.

Dalam menentukan kewajaran wasilah *taqarrub* dalam kajian ini, pengkaji ada dua sebab atau alasan. Pertama, pengkaji merujuk pandangan Abdul Rahman Rukaini (2001:159-167) untuk menentukan batasan wasilah seperti dibincangkan dalam Bab II. Abdul Rahman Rukaini telah menggariskan sembilan wasilah *taqarrub* untuk sampai kepada Allah. Daripada sembilan wasilah itu pula pengkaji mengecilkan lagi pecahan wasilah kepada lima wasilah iaitu wasilah *taqarrub* melalui amalan fardu, wasilah *taqarrub* melalui amalan sunat, wasilah *taqarrub* melalui ketaatan kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, wasilah *taqarrub* melalui penyaksian terhadap kekuasaan Allah serta wasilah *taqarrub* melalui peringatan kepada saat kematian. Empat wasilah yang dinyatakan oleh Abdul Rahman Rukaini boleh digolongkan dalam mana-mana lima wasilah yang ditentukan oleh pengkaji. Alasan kedua pengkaji adalah berdasarkan penelitian terhadap 71 buah puisi Yahya M.S. dalam kumpulan puisi *Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid* yang dikaji dari segi tema, persoalan dan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair, puisi-puisi berkenaan boleh dikelompokkan kepada lima wasilah tersebut.

Begitu juga pengertian-pengertian lain *taqarrub*, pengertian-pengertian tersebut boleh dimasukkan dalam lima wasilah yang ditentukan oleh pengkaji dan ini dapat ditunjukkan dalam **Rajah 1** berikut:



**Rajah 1: Pengertian *Taqarrub* Dalam Lima Wasilah**

Secara definisi operasional, kajian ini memperkatakan usaha-usaha dan cita-cita murni penyair Yahya M.S. untuk mendekatkan dirinya kepada Allah. Konsep *taqarrub* penyair dapat dikesan melalui lima wasilah iaitu wasilah *taqarrub* melalui amalan fardu, wasilah *taqarrub* melalui amalan sunat, wasilah *taqarrub* melalui ketaatan kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, wasilah *taqarrub* melalui penyaksian terhadap kekuasaan Allah dan wasilah *taqarrub* melalui peringatan kepada saat kematian dalam puisi-puisinya. Konsep *taqarrub* ditanggapi dengan merujuk kepada kata kunci-kata kunci yang digunapakai dalam puisi-puisinya. Wasilah *taqarrub* penyair juga bertujuan untuk menyeru dan mengajak khalayak pembaca supaya mendekatkan diri kepada Allah. Seruannya diperlihatkan dalam tema dan persoalan yang diungkap baik secara langsung mahupun tidak langsung. Ini dapat dikesan menerusi konsepsi pengarang terhadap isu-isu yang digarap, yang turut dipengaruhi oleh latar belakang pengarang seperti pendidikan, pengalaman hidup dan pekerjaannya. Begitu juga dari aspek kata-kata atau diksi yang dipilih oleh pengarang untuk menyatakan konsepsinya terhadap hal-hal yang berkaitan dengan keilmuan, kerohanian, keagamaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Konsep *taqarrub* menerusi lima wasilah tersebut akan dilihat dalam puisi-puisi yang terkandung dalam kumpulan puisinya yang berjudul 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' (2007).

### Rumusan

Penghasilan karya sastera khususnya puisi yang mengutarakan konsep kerohanian, atau tasawuf ataupun ketuhanan semakin banyak dihasilkan. Puisi

sebegini menjadi pilihan sebahagian penyair sebagai salah satu cara untuk berdakwah kepada masyarakat yang mengajak kepada kebaikan dan meninggalkan kejahatan ke arah mendekati diri kepada Allah. Semakin hampir seseorang itu kepada Allah maka semakin tenanglah jiwanya. Jiwa yang tenang akan mendorong mereka berusaha menguatkan agama, memantapkan bangsa, dan memajukan masyarakat serta negara. Karya yang berunsurkan kerohanian, atau tasawuf ataupun ketuhanan diyakini dapat mengimbangi pergolakan jiwa masyarakat. Ini kerana tasawuf adalah roh Islam. Meskipun dalam karya tidak disisipkan petikan ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis, serta tidak dinyatakan secara terang namun konsep *taqarrub* yang dikemukakan masih dapat ditanggapi oleh masyarakat pembaca yang cinta akan kebenaran dan bercita-cita menjadi manusia yang baik dan suka kepada kebaikan. Demikian juga dalam melahirkan modal insan kelas pertama seperti mana yang diharap-harapkan untuk memajukan negara tidak mungkin dapat dicapai jika masyarakat hanya dididik dan disogok dengan wang ringgit, kemewahan, kemahiran dan kemajuan tanpa pemantapan jiwa atau pengisian rohaniah. Manusia akan hidup maju dan mewah tetapi miskin dan hilang nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Jika ini berlaku, manusia tentu tidak boleh hidup dengan aman dan tenteram. Tidak mustahil peradaban bangsa khususnya masyarakat Islam pada masa akan datang akan runtuh sekiranya sesebuah bangsa lupa teras agama, akar tradisi, budaya dan nilai-nilai baik. Oleh itu, sewajarnya bidang kesusasteraan ini disemarakkan semula dan karya-karya yang dihasilkan disuntik dengan elemen-elemen positif misalnya konsep *taqarrub* untuk mengimbangi sifat tamak manusia dalam mengejar kemewahan dan kemajuan dalam kehidupan.



## BIBLIOGRAFI

- A.Aziz Deraman. *Ukhuwah Islamiah Melalui Puisi. Kertas Kerja Malam Apresiasi Puisi Ramadan*. Kota Bharu, Kelantan. 19-21 November 1999.
- A.Hashim Hamid. *Yahya M.S: Penyair Nasionalisme dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- A. Rahim Abdullah. *Citra Manusia Dalam Puisi Penyair Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. *Keagungan Pencipta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995.
- Ab. Halim Mohamad. "Unsur-Unsur Ilmu *Badi*' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri". *Sari*. Jld. 29, Bil. 2 (2011): 67-82.
- Abd. Aziz Alias. *Konsep Perjuangan dan Kepimpinan Keris Mas: Satu Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci*. Projek Penyelidikan Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2005.
- Abdul Aziz Ismail. *Menyingkap Rahmat Allah Dalam Penciptaan Manusia dan Alam Kehidupan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 1996.
- Abdul Aziz Ismail. *Thariqul Ibad (Jalan - jalan Pengabdian Diri Kepada Allah Azzawajala)*. Batu Caves: Galeri Watikah Sdn. Bhd, 2000.
- Abdul Basir Mohamad (peny.). *Al-Jawahir Al-Sufiyyah*. Batu Caves: Mahzum Book Services, 2009.
- Abdul Hadi W.M. Ketasawufan Hamzah Fansuri. *Dewan Sastera*, Jld. 34. Bil. 3: 20-26. Mac 2003
- Abdul Hadi W.M. Sastera Melayu Bercorak Tasawuf: Pengelompokan Dan Estetikanya. (<http://ahmadsamantho.wordpress.com>). Dimuatturun pada 3 Mac 2010.
- Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi. *Tazkiyat Al-Nafs: Jalan Taqarrub Kepada Allah SWT.* (<http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2>). Dimuatturun pada 11 Disember 2012.
- Abdul Halim Ali. *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.
- Abdul Halim Ali dan Azhar Haji Wahid. *Penghayatan Kesusasteraan Melayu Moden*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2005.
- Abdul Majid Hj. Khatib (pent.). *Rahasia Sufi*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2004.

- Abdul Rahman Rukaini. *Siri Teras 'Ulum Islamiah Tasawuf Membangun Insan Cemerlang*. Semenyih: Synergymate Sdn. Bhd, 2001.
- Abdullah Al-Naqsyabandi. *Mencapai Ma'rifat (Satu Pendekatan)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2005.
- Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (pent.). *Mengembalikan Tasawuf dan Tariqat Kepangkalnya*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2005.
- Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (pent.). *160 Faedah Utama Dan Terapi Solat Dan Padah Meninggalkannya*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2008.
- Abdullah Hussain dan Muslim Burmat (peny.). *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Abu Ahmad Yasin. *Wasiat 4 Imam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2010.
- Abu Bakar Omar Al-Hafiz. *Asas Fardu Ain Lengkap*. Rawang: Pustaka Ilmuan, 2013.
- Abu Mazaya al-Hafiz (pent.). *Meniti Jalan Menuju Syurga Dengan Menikmati Kebahagiaan Dunia*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Abu Mazaya al-Hafiz (pent.). *Penawar Hati dan Penenang Jiwa*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2003.
- Abu Said al-Kharraz. *Masalah Sufi atau Jalan Menuju Kepada Allah*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1999.
- Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady (pent.). *Al-Quranu L-Karim: Terjemahan dan Huraian Maksud Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady (pent.). *Al-Quranu L-Karim: Terjemahan dan Huraian Maksud Jilid 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady (pent.). *Al-Quranu L-Karim: Terjemahan dan Huraian Maksud Jilid 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady (pent.). *Al-Quranu L-Karim: Terjemahan dan Huraian Maksud Jilid 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Abu Soleh Nasaruddin. *Jalan-jalan Mengingati Allah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1997.

- Abul Khairi al-Latifi (pent.). *Mustika Hadis-hadis al-Qudsi Sahih Jilid 1*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Achmad Suyuti. *Percikan Kesufian: Dialog Ajaran Tasawuf*. Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd, 2003.
- Afizayanti Gudang. *Mandatori Karya Ramlee Awang Murshid: Satu Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2007.
- Ahmad Faried. *Penawar dan Penyucian Jiwa*. Cheras: Al-Falah Publications Sdn. Bhd, 2010.
- Ahmad Kamal Abdullah (peny.) *Puisi-puisi Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Ahmad Ridha' Hasbullah. *Taqarrub Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Hidayah Publishers, 2008.
- Al-Allamah Husin Nasir Ibn Muhammad Toyyib Al Ma'udi Al-Banjari. *Titisan Hujan Lautan Sufi*. Ampang: Sofa Production, 2010.
- Al-Faqir Illallah Akmal al-Fandahani. *Jalan Kemuliaan Ahli Sufi Jilid 1*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2003.
- Ali Ahmad. *Perintis Sajak-sajak Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1971.
- Ali Abdul Halim Mahmud. *Mencerdaskan Rohani: Siri Motivasi Membentuk Peribadi Mukmin Sejati Berdasarkan Kepada Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2007.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man dan Jelani Harun. *Tasawwur Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2005.
- Aminah Haji Momin. *Shukri Zain: Pemikir Islam Di Brunei Darussalam*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2002.
- Aminudin Mansor. "Keselamatan Duniawi, Ukhrawi". *Utusan Malaysia*. 8 Mac 2012. Hlm 3-4.
- Aminudin Mansor. Semarak Merdeka Dalam Puisi. (<http://www.utusan.com.my>). Dimuatturun pada 4 April 2010.
- Amran Kasimin. *Taqarrub Amalan Menghampirkan Diri Pada Ilahi*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1991.
- Anis Sabirin. *Mengenal Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.

- An-Najwa. *Memiliki Jiwa Yang Tenang*. Taman Jasa Sg. Tua, Selangor: Pustaka Ilmi, 1996.
- Ani Mahzan. Ulasan Kumpulan Puisi *Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid*. *Dewan Sastera*. Jld. 37. Bil. 10: 45. Oktober 2007.
- Ani Omar. Kerohanian dan Kebitaraan Membina Peribadi Muslim. *Dewan Sastera*. Jld. 39. Bil. 2: 53-56. Februari 2009.
- Arbak Othman. Puisi Hawa Haji Salleh: Lintasan Tragis yang Menghibakan. *Dewan Sastera*. Jld. 35. Bil. 10: 41-43. Oktober 2005.
- Arif Karkhi Abukhudairi. Yahya M.S.: Penyair Brunei Tersohor. *Bahana*. Jld. 42. Bil. 301: 21-23. Disember 2007.
- Asmah Haji Omar. *Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (pent.). *Intisari Ihya' Ulumuddin al-Ghazali Mensucikan Jiwa Konsep Tazkiyatun Nafs Bersepadu*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn Bhd, 2008.
- Awang Ahmad. Penulis: Antara Tanggapan dan Periode dalam Perkembangan Sastera di Brunei. *Bahana*. Jld. 39. Bil. 257: 57-59. April 2004.
- Awang Azman Awang Pawi. *Licentia Poetica: Puisi Mutakhir Malaysia*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2003.
- Awang Markandi Haji Kuris. *Dalam Sajak-sajak Karya Yahya M.S.*. Tesis Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 1988.
- Awang Kamis Haji Tuah. Yahya M.S.: Peranan dan Sumbangan Dalam Kesusasteraan Melayu Bercorak Islam. *Bahana*. Jld. 27. Bil. 136: 43-46. Mac 1992.
- Awang Kamis Haji Tuah. Sastera Moden Brunei Darussalam Sejak Dulu Hingga Kini. *Bahana*. Jld. 41. Bil. 281: 14-31. April 2006.
- Baharudin Ahmad (peny.). *Sastera Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasadan Pustaka, 1992.
- Baharudin Ahmad. Sufisme dan Sastera: Falsafah dan Kritikan dalam *Sastera Sufi*. Ed. Baharudin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Bibliografi Karya Penulis Brunei Yahya M.S.*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2002.

- Burhanuddin al-Hilmy. *Simposium Tasawwuf dan Tariqat* (Cetakan Kedua). Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus, 2006.
- Che Kamarudin Md. Daud, Nik Aminah Nik Idris, Rukiah Muhamad, Siti Fatimah Sudin dan Sulaiman Wahid. *Asas-asas Islam II*. Shah Alam: Pusat Pendidikan Islam, 1988.
- Che Nordin Che Ibrahim. Tasawuf dalam Kehidupan Orang Mu'min. *At-Taqwa*. Isu 2: 19-23. Mei-Jun 2013.
- Che Zarrina Sa'ari. Peranan Penyucia Jiwa (Tazkiyah Al-Anfus) Terhadap Pembangunan Insan Dalam Masyarakat Bertamadun. (<http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2>). Dimuatturun pada 11 Disember 2012.
- Dharmawijaya. *Siri Khazanah Kesusasteraan Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1988.
- Dk. Masnani @ Masira Pg. Ladun. *Yahya M.S. dan Karyanya: Satu Analisis Tentang Puisi Berunsur Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 2012.
- Ensiklopedia Islam Jilid 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- H. Hamzah Ya'qub. *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mu'min*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2000.
- H. Muzakkir. Tasawuf Dalam Kehidupan Kontemporari: Perjalanan Neo-Sufisme. (<http://myais.fsktm.um.edu.my/view/type/article/>). Dimuatturun pada 27 Ogos 2010.
- H. Ribut Hasanuddin Batubara (pent.). *Jalan Orang-orang Soleh*. Puchong: Berlian Publication, 2008.
- Hamka. *Tasauf Modern Edisi Baru*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1997.
- Hamzah Hamdani. Kesan Pemikiran Ahli-ahli Sufi Dalam Penulisan Sastera Melayu di Nusantara dalam *Sastera Sufi*. Ed. Baharudin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Harun Mat Piah. Antologi Jalan Perak Dari Sekolah Melayu ke Masjidilharam di Mekah AlMukarramah Karya Yahya M.S.. *Bahana*. Jld. 28. Bil. 154: 9-17. September 1993.
- Hashim Awang. Kesusasteraan dalam Pendidikan. *Dewan Sastera*. Jld 18, Bil. 2: 27. April 1988.

- Hashim Haji Abd. Hamid. *Kajian Kausus Peranan Golongan Elit Brunei. Kertas Kerja Puisi Islam: Sarana Dakwah dan Ukhuwah Islamiah.* Kota Bharu, Kelantan. 19-21 November 1999.
- Hasni Abas (peny.). *Inti Sari Pertimbangan dalam Penulisan Tesis Sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Hasninie Bt Mohammad. *Kumpulan Puisi Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid Karya Yahya M.S. Dari Perspektif Teori SPB4L.* Projek Ilmiah Kesusasteraan Melayu. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2010.
- Hiryandy@ Muhammad Mahdi Md. Yassin. *Estetika Islam Dalam Puisi Adi Rumi.* Tesis Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 2013.
- Husain Mazhahiri. *Mengendalikan Naluri Ajaran Islam dalam Mengatasi Gelojak Kecenderungan Alamiah Manusia.* Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd., 2004.
- Husin Nashir bin Muhammad Thaiyib dan Al-Mas'udiy Al-Banjariy (peny.). *Curahan Ilmu Tasawuf Berdasarkan Syariat Nabi Muhammad SAW.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2006.
- Ibnu Abdul Rahman. *Ranjau-ranjau Syurga Membangunkan Peribadi Beribadah 2.* Petaling Jaya: Penerbitan Senada, 1998.
- Ibnu Abdul Rahman. *Ranjau-ranjau ke Syurga Membangunkan Peribadi Beribadah 4.* Petaling Jaya : Penerbitan Senada, 1998.
- Ibnu Idris al-Qari (peny.). *Merentas Jalan. Sufi* Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 1995.
- Ibrahim Mohamad. *Keaslian Tasawuf.* Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2005.
- Imam al-Ghazali. *Pembersih Kalbu Sifat-sifat Ahli Sufi.* Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2005.
- Imam al-Ghazali. *Rahsia dan Hikmah Kejadian Alam dan Penciptaan Manusia.* Batu Caves: Crescent News (KL) Sdn. Bhd, 2008.
- Imam al-Ghazali. Takut kepada Allah SWT. *At-Taqwa.* Isu 1: 74-77. April-Mei 2013.
- Ismail Hussein. *Sastera dan Agama.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. *Indahnya Hidup Bermasyarakat: Modul Fardu Ain Diri, Keluarga dan Masyarakat Sepanjang Hayat.* Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009.

- Ismail Yusoff. *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008.
- Jaafar Salleh. *Tingkatan-tingkatan Nafsu dan Kemuliaan Martabat Insan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 1999.
- Johari Haji Abd Latif. Antologi Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang: Sebuah Pengalaman Penyair Bersama Masyarakat. *Bahana*. Jld. 27. Bil. 140: 41-45. Julai 1992.
- Johari Haji Alias. *Menunaikan Kewajiban dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Johari Yaman dan Azahari Haji Ibrahim (pent.). *Bimbingan Mukmin*. Rawang: Nadi Minda Resources, 2009.
- Kamal Haji Lamat. *Kumpulan Puisi Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid Karya Yahya M.S.*. Tesis Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 2013.
- Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Kasmuri Selamat. *Melatih Diri Menuju Jalan Sufi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 2000.
- Khairunnas Rajab. Al-Maqam dan al-Ahwal Dalam Tasawuf. (<http://myais.fsktm.um.edu.my>). Dimuatturun pada 27 Ogos 2010.
- Lim Swee Tin & Arbak Othman. *Kumpulan Esei Sastera Puisi, Penyair dan Kreativiti Dalam Kritikan dan Apresiasi*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise, 2008.
- Lutfi Abas. Sajak-sajak Yahya M.S. Dalam Antologi Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang Dan Reinterpretasi Sastera Islam di Nusantara. *Bahana*. Jld. 23. Bil. 91: 17-30. Jun 1988.
- Mahsuri S.N.. Perjalanan Penyair Dalam Kehidupan. *Bahana*. Jld. 28. Bil. 149: 35-36. April 1993.
- Majdi Al-Hilali. *Menuju Personaliti Rabbani Mulakan Daripada Diri Anda*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2007.
- Ma'mur Daud (pent.). *Terjemahan Hadis Shahih Muslim Jilid 1-4*. Selangor: Klang Book Centre, 1982.

- Mana Sikana. Yahya M.S. Sebagai Penyair Islam. *Bahana*. Jld. 20, Bil. 50: 23-30. Januari 1985.
- Mana Sikana. Meletakkan Teori Konseptual kata Kunci. *Dewan Sastera*. Jld. 38. Bil. 10: 26-29. November 2008.
- Mardiyah Syamsudin (pent.). *Keajaiban Hati orang Mukmin*. Batu Caves: Pustaka Ilmi, 1998.
- Markandi Haji Kuris. *Symbolisme Sajak-sajak Karya Yahya M.S.*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2012.
- Mas Osman (peny.). *Biografi Penulis Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 1987.
- Md. 'Ali Alhamidy. *Jalan Hidup Muslim*. Bandung: PT Alma'arif, 1976.
- Moh, Munawwir az-Zahidy (pent.). *Risalahul Mu'awanah Petunjuk Menuju Makrifatullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn Bhd, 1997.
- Mohamad Mokhtar Hassan. Teori Konseptual-Kata Kunci: Penerapan Terhadap Karya Sastera. *Seminar Teori dan Kritikan sastera Timur-Barat*. Balai Budaya, DBP Cawangan Kuching, Sarawak. 19 – 21 Oktober 2003.
- Mohamad Mokhtar Hassan. Teori Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-cerpen S. Othman Kelantan. *Seminar Pemikiran Negara S. Othman Kelantan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2004.
- Mohamad Mokhtar Hassan. "Teori Konseptual-Kata Kunci: Penerapan Terhadap Karya Puisi". *Jurnal Perisa*. Jld. 12. ( 2004): 97-114.
- Mohamad Mokhtar Hassan. *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mohamad Mokhtar Hassan. "Konsep Perjuangan Keris Mas Melalui Cerpen: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci". *Prosiding Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Keris Mas*. Ed. Jaafar Abdul Rahim, Mohd Amran Daud dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Mohamad Mokhtar Hassan. "Degup Jantung: Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci". *Prosiding Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang*. Ed. Mohd Amran Daud dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.



- Mohamad Mokhtar Hassan. Formula Untuk Khazanah Bangsa. *Dewan Sastera*. Jld. 38. Bil. 10: 24-25. November 2008.
- Mohamad Mokhtar Hassan. Konseptual Shahnnon Ahmad Terhadap Kepimpinan Melalui Patriarch: Satu Analisis Berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci Dalam *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Ed. Muhammad Haji Salleh (peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Mohamad Salleh Rahamad. Krisis Keyakinan dalam Pendidikan Sastera di Malaysia. *Dewan Sastera*. Jld. 40. Bil. 2: 40-48. Februari 2010.
- Mohamad Suhardi Haji Abdullah (peny.). *Wajah Penulis-penulis Brunei*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2011.
- Mohammad Abd. Rahman. Sumbangan Penyair Berpendidikan Agama Terhadap Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. *Bahana*. Jld. 41. Bil. 278: 8-17. Januari 2006.
- Mohammad Hasrul Izzat Bin Haji Abdul Wahab. *Puisi Hidayat V: Satu Analisis Berdasarkan Persuratan Baru*. Penyelidikan Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 2012.
- Mohammad Nidzam Abd. Kadir. *Tasawuf Kontemporari Implementasi Tasawuf Dalam Dunia Kini*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2010.
- Mohd Ali Abu Bakar. *Tanggungjawab Setiap Muslim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2005.
- Mohd Ali Mawardi. *Jalan-jalan Mendidik Hati (Mengenal Sifat-sifat Mahmudah Dan Mazmumah Serta Cara Merawatnya)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Mohd Murtadza bin Hj Ahmad. Tazkiyah Al-Nafs Dalam Ilmu Tasawuf. (<http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2>). Dimuatturun pada 12 Disember 2012.
- Mohd Saad Hamid. Umrah 2010: Bab-as-salam (Babussalam). (<http://msaadhamid.blogspot.com>). Dimuatturun pada 15 Disember 2015.
- Mohd Sulaiman Hj Yasin. *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri, 1992.
- Mohd. Zarif Hassan@ Zulkifli. Konseptual Shahnnon Ahmad Terhadap Kemungkaran Melalui TIVI: Satu Analisis Berdasarkan Konseptual Kata Kunci. *Dewan Sastera*. Jld. 38. Bil. 21: 42-45. November 2008.

- Morsidi Haji Muhamad. Puisi Islam Brunei Darussalam Sebelum Merdeka: Satu Kajian Awal. *Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-XI*. Kertas Kerja Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 2001.
- Morsidi Haji Muhamad. "Puisi Yahya M.S: Antara Penggunaan Citra dan Perlambangan Dengan Tema". *Pangsura*. Jld. 12. Bil. 22. (2006): 63-87.
- Morsidi Haji Muhamad. "Puisi Enam Penyair Brunei: Pengutaraan Persoalan Kemelayuan dan Globalisasi. *Pangsura*. Jld. 12. Bil. 23 (2006): 55-68.
- Morsidi Haji Muhamad. *Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA Puisi Islam Brunei Darussalam Dalam Hubungannya Dengan Puisi Islam Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Muhamad Baihaqi (peny.). *Perjalanan Roh Manusia Melalui 4 Alam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 1999.
- Muhammad Abdul Latiff. Perkembangan Puisi Baru Di Brunei. *Bahana*. Jld. 11. Bil 24: 34-44. Apr – Jun 1976.
- Muhammad Ali al-Mawardi. *Jalan-jalan Mendidik Hati*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2009.
- Muhammad al-Ghazali. *Tujuan Hidup Para Sufi*. Batu Caves: Pustaka Ilmi, 2000.
- Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali*. Shah Alam: Illusion Network, 2013.
- Muhammad al-Zuhayli. *Taqwa: Hakikat, Hukum-hukum dan Kesan-kesannya*. Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2006.
- Muhammad Bukhari Lubis. "Sumbangan Puisi Syeikh Ahmad Al-Fatani (Q.S.) Dalam Kesusasteraan Melayu Islam". Dlm. *Pangsura*. Jld. 6. Bil. 11 (2000): 130-142.
- Muhammad Fuad Kamaludin Al-Maliki (pent.). *Titisan Hujan Lautan Sufi*. Ampang: Koperasi As Sofa NS Bhd, 2010.
- Muhammad Haji Salleh. *Teori Kesusasteraan Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Muhammad Haji Salleh. Sastera dan Pedagogi. *Dewan Sastera*. Jld 40. Bil.2: 38-39. Februari 2010.
- Muhammad Hanif Rasyadi. *Motivasi Kedamaian Jiwa Menuju KejayaanRahsia Penyinar Hati*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2004.

- Muhammad Munsif (pent.). *Takutkan Allah Berdasarkan Huraian Imam Al-Ghazali, Imam Ibnul Qayyim & Imam Ibnu Rajab Hanbali*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2009.
- Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Butiy. *Hakikat Alam Semesta dan Cakerawala Menuju Iman Yang Teguh*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2000.
- Muhammad Thahali Ar-Roawi. *Panduan Mengingati Allah*. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn Bhd, 2001.
- Muhd Najib Abdul Kadir. *Rahsia Haji Falsafah dan Hikmahnya Menurut al-Quran dan Sunah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2010.
- Mukhlas Asy-Syarkani Al-Falahi. *Keajaiban Ibadah (Membongkar Rahsia dan Hikmah)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2006.
- Musa Fathullah Harun. *Pengantar Tasawwuf Islam*. Sungai Buloh: Penerbit Musa Bin Fathullah Harun, 1996.
- Mustafa Ghalwasy (peny.). *Tasawuf Dalam Neraca*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2004.
- Mustafa Haji Daud. *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Mutiara Khairunnisa. "Fungsi Peranan dan Fungsi Manusia Sebagai Khalifah". (<http://dstarzmuslim.blogspot.com>). Dimuatturun pada 12 Disember 2012.
- Naapie Mat. *Pemikiran Penyair Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004.
- Norain Haji Awang Othman. *Unsur-unsur Islam Dalam Kumpulan Puisi Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid Karya Yahya M.S.*. Penyelidikan Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 2011.
- Noraslina Haji Jaya. *Kumpulan Puisi Perjalanan Kembali Dua Puluh Musim: Satu Analisis Stilistik*. Penyelidikan Sarjana. Universiti Brunei Darussalam, Brunei. 2011.
- Nordi Achie. *Fitnah Sufi Fatamorgana Tasawuf Fenomena Tarikat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.
- Nurazmi Kuntum. *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Nurazmi Kuntum. *Menulis Sajak dan Novel*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2012.

- Nurhikmah dan R.H.A Suminto (pent.). *Taubat, Sabar dan Syukur*. Singapura: Pustaka Nasional, 1977.
- Nur Hamizah Haji Hashim dan Nur Sham Haji Abdul Aziz. Puisi-puisi Pilihan Muhammad Haji Salleh: Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci. *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara*, Dewan Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 9-10 November 2010.
- Nur Iman Affandi. *Membersih Jiwa Dari Sifat Mazmumah (Tercela)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Othman Napiah. *Pengantar Ilmu Tasawuf*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.
- Panel Penterjemah. *Prinsip-prinsip Tasawuf Islam*. Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2007.
- Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama. *Penghayatan Sastera Menjana Pemikiran Ummah*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 2011.
- Qamaruddin Fahri. *Samudera Istiqamah Jalan Mencapai Qalbu Yang Bersih*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2001.
- Ramli Awang. *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Rohimi bin Jomel. *Pemikiran Tasawuf Dalam Kumpulan Puisi At-Tariq dan Kumpulan Puisi Kharmizi*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2001.
- Roslan Ali dan Nosiah Fauzan. *Pembangunan Kerohanian dan Refleksi Budaya Masyarakat Melayu*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2007.
- Roslindawati Abaseri. *Pemikiran Dalam Kumpulan Puisi Di Kebun Khatulistiwa Karya Rahimidin Zahari*. Kertas Projek Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2009.
- S. Jaafar Husin (peny.). *Penelitian Sastera Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- S.Othman Kelantan. Mengenal Keperibadian Orang yang Berilmu. *Dewan Sastera*. Jld. 37. Bil. 12: 32-35. Disember 2007.
- Safian Hussain (peny.). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

- Sahlan Mohd. Saman. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Sahlan Mohd. Saman. *Persuratan Melayu: Tradisional ke Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Sa'id Hawwa. *Induk Pensucian Diri*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2002.
- Sa'id Hawwa. *Pendidikan Spiritual*. Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Seleakta Sdn. Bhd, 2010.
- Salleh Karimi Mohd. Kari (pent.). *Kehidupan Hati: Untuk Sampai Kepada Tuhan Yang Dikasihi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005.
- Saiful Nujaimi Abdul Rahman. Benteng Artifisial Puisi Melayu. (<http://ww1.utusan.com.my>). Dimuatturun pada 5 April 2010.
- Samsina Abd. Rahman. *Puisi-puisi Sayembara Anugerah Puisi Putra: Kajian Pemikiran dan Nilai Estetika*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 1989.
- Samsina Abd. Rahman. *Unsur Tasawuf Dalam Puisi Melayu Moden Di Indonesia dan Malaysia: Satu Analisis Perbandingan*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 1998.
- Samsina Abd. Rahman. Amar Ma'ruf Nahi Mungkar Dalam Puisi Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil. 7: 81-112. Julai 2002.
- Samsina Abd. Rahman. "Jalan-jalan Menuju Keredaan Allah daripada Perspektif Ilmu Tasawuf dan Pengungkapannya Dalam Puisi Melayu Moden". *Jurnal Perisa*. Jld. 12. (2004): 123-136.
- Samsina Abd. Rahman. Estetika Maknawi Terungkap Melalui Estetika Lahiri (Analisis Puisi DS Julai 2007). *Dewan Sastera*. Jld. 37. Bil. 12: 44-48. Ogos 2007.
- Samsina Abd. Rahman dan Faridah Mohammad. "Insan Al-Kamil dalam Kumpulan Puisi Al-Amin Sebagai Model Peningkatan Kualiti Modal". *Jurnal Pangsur*. Jld. 16. Bil. 30 (2010): 66-78.
- Sariani Ishak. Sumbangan dan Peranan Penulis Lepas S.I.T.C. Kepada Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden Brunei: Suatu Tinjauan. *Bahana*. Jld. 32. Bil. 203: 12-17. November 1997.
- Seman Haji Ja'far (peny.). *Pengetahuan Wajib Setiap Muslim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2012.

- Shafie Abu Bakar. Fungsi Puisi Dalam Persuratan Islam. *Dewan Sastera*. Jld. 16. Bil. 5: 35-39. Februari 1986.
- Shafie Abu Bakar. Fungsi Puisi Dalam Persuratan Islam. *Dewan Sastera*. Jld. 16. Bil. 6: 43-47. Februari 1986.
- Shafie Abu Bakar. Puisi: Kemanusiaan dan Kerohanian. *Dewan Sastera*. Jld.26. Bil. 2: 44-52. Februari 1996.
- Shafie Abu Bakar. Sastera Islam Prinsip, Fitrah dan Tarbiah. *Dewan Sastera*. Jld. 39. Bil. 6: 22-24. Jun 2009.
- Shamsudin Jaafar. *Mengkaji Teori Sastera Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Sidek Baba. Perjalanan Insan, Proses Makna. (<http://www.sinarharian.com.my>). Dimuatturun pada 4 April 2010.
- SMahadzir & Fauziah AR. *Ke Arah Keimanan dan Kesejahteraan Hidup*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd, 2007.
- Sohaimi Abdul Aziz. Erti Kesusasteraan Kepada Kehidupan Manusia. *Dewan Sastera*. Jld. 35. Bil. 9: 11-14. September 2005.
- Solehah Hj. Yaacob dan Baharuddin Hj. Yaacob. "Penjelasan al-Quran Tentang Manusia Kajian Tatabahasa Arab dan Pentafsiran Terhadap Ayat-ayat yang Dipilih". *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 22 (2009): 140- 152.
- Suhaimi Haji Muhammad. Puisi Mistik Hakikat Batin yang Indah. *Dewan Sastera*. Jld. 35. Bil. 10: 33-35. Oktober 2005.
- Sulaiman Duraman. Sastera Islam Di Negara Brunei. *Bahana*. Jld. 39. Bil. 259: 27-36. Jun 2004.
- Sulaiman Duraman. Puisi: Perancangan Dalam Kehidupan Manusia. *Bahana*. Jld. 26. Bil.123 : 21-25. Februari 1991.
- Sumadi Sukaimi. Baca Puisi Ke Arah Perpaduan dan Penyatuan Ummah. *Bahana*. Jld. 40. Bil. 266: 1. Januari 2005.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. *Pemikiran Tasawuf Syeikh Abu Mahasin Yusuf al-Haj*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.
- Tim Redaksi. *Mengenal Allah Lewat Akal*. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd, 2004.

- Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu. (<http://www.surah.my/24>). Dimuatturun pada 11 Disember 2012.
- Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara (peny.). *Sastera dan Kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- V. I. Braginsky. *Nada-nada Islam dalam Sastera Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Wandy H.O.. Sejarah Perkembangan Kesusasteraan di Brunei Darussalam. *Bahana*. Jld. 41. Bil. 285: 8-17. Ogos 2006.
- Yahya M.S.. Persoalan Keagamaan Dalam Puisi Baru di Brunei. *Seminar Antarabangsa Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Bandar Seri Begawan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. 3-8 Ogos 1987.
- Yahya M.S.. *Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 1988.
- Yahya M.S.. *Menghayati Sastera Islam Abad Ke-21*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 1988.
- Yahya M.S.. Mengapa dan Bagaimana Saya Mengarang (Satu Pengalaman Hidup) Siri Pertama. *Bahana*. Jld. 26. Bil. 132: 43-48. November 1991.
- Yahya M.S.. Mengapa dan Bagaimana Saya Mengarang (Satu Pengalaman Hidup) Siri Kedua. *Bahana*. Jld. 26. Bil. 133: 29-35. Disember 1991.
- Yahya M.S.. *Perjalanan Kedua dari Rumah Ke Puncak Suasana*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2003.
- Yahya M.S.. *Mencari Diri dari Muara Ke 'Arafat*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2004.
- Yahya M.S.. *Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Yahya M.S.. *Musim-musim Perjalanan Kumpulan Puisi 2004-2009*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2011.
- Yahya M.S.. *Musim-musim Perjalanan Kumpulan Puisi 2004-2009*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2013.
- Yusri Abd. Karim. *Indahnya Tasawuf dan Hidup Sufi*. Batu Caves: Yamani Angles Sdn. Bhd, 2011.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 1*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.

- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 3*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 9*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 10*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 11*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 13*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 15*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusoff Zaky Haji Yacob (pent.). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an di Bawah Bayangan Al-Qur'an Jilid 17*. Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.
- Yusuf Qardhawi. *Roh Ibadah Hakikat Hikmahnya*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2001.
- Zainal Ariffin Abbas. *Ilmu Tasawuf*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1991.
- Zakaria Stapa. *Akhlaq dan Tasawuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1995.
- Zalilah Zainudin. *Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen Keris Mas*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2007.
- Zulkifl Abd. Ghani. *Revelansi Tasawuf Dalam Era Globalisasi dalam Penjanaan Tariqat Tasawuf dalam Pembangunan Rohani Negara*. Ed. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2008.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Soal Jawab A-Z Tentang Tasawuf Tapi Anda Tiada Tempat Untuk Bertanya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. "Manusia Ciptaan Terbaik". *Utusan Malaysia*. 18 Februari 2011. Hlm 24.



Zulkifli Mohamad al-Bakri. Permasalahan Tawaf Wada'.  
(<http://ww1.utusan.com.my/utusan>). Dimuatturun pada 30  
Disember 2015.

Zuridan Mohd Daud. *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd,  
2010.

